

17 JUL 1998

Malaysia-EritreaI

MALAYSIA DAN ERITREA METERAI PERJANJIAN TINGKAT HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Eritrea hari ini menandatangani perjanjian dua hala dalam usaha untuk meningkatkan hubungan antara kedua-duanya dalam bidang-bidang ekonomi, sains, teknikal dan kebudayaan.

Upacara menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Eritrea Isaias Afwerki selepas pertemuan mereka di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Malaysia diwakili oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sementara Eritrea oleh Menteri Pengangkutan dan Komunikasinya Salih Kekia dalam menandatangani perjanjian itu .

Ketika memberi taklimat kepada pemberita selepas upacara itu, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata kedua-dua negara akan menerokai cara-cara untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi mereka dengan mengambil kira kegawatan ekonomi di rantau ini sekarang.

"Presiden (Isaias) merujuk kepada Malaysia kerana struktur Eritrea, sebuah negara pelbagai kaum dan agama adalah serupa dengan Malaysia," katanya.

Eritrea berminat untuk belajar mengenai kejayaan pembangunan Malaysia dan mahu meningkatkan hubungan dengan negara ini. Afwerki pulang hari ini selepas lawatan selama dua hari ke Malaysia.

Toyad berkata Afwerki mempelawa ahli-ahli perniagaan Malaysia melabur di negaranya "apabila keadaan mengizinkan".

Beliau berkata usaha-usaha akan dibuat untuk meningkatkan jumlah perdagangan dua hala yang sekarang berada pada paras kira-kira RM1 juta setahun.

Dr Mahathir juga mencadangkan kedua-dua negara saling bertukar program televisyen bagi membolehkan rakyat Malaysia dan Eritrea mengenali antara satu dengan lain.

Toyad berkata Malaysia bersedia untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai Eritrea.

"Eritrea adalah sebuah negara yang muda tetapi mempunyai keazaman untuk membangun dari segi politik dan ekonomi," katanya.

Antara yang turut hadir pada pertemuan itu ialah Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang juga Menteri Pengiring.

Pada satu sidang berita kemudiannya, Afwerki berkata Eritrea dan Malaysia mempunyai potensi yang luas untuk meningkatkan perdagangan.

Katanya kedua-dua negara mempunyai program pembangunan dan galakan pelaburan yang serupa.

Presiden itu berkata peluang-peluang untuk kerjasama wujud dalam beberapa sektor seperti industri perkhidmatan, pengangkutan, komunikasi, perikanan, pertanian, pelancongan dan pengeluaran serta tekstil dan industri kulit.

Afwerki berkata hubungan antara kedua-dua negara kukuh dengan adanya tumpuan yang diberikan oleh Malaysia terhadap pembangunan kerjasama Selatan-Selatan.

Beliau juga berkata seperti juga Malaysia, Eritrea mengambil kira keunikan setiap kaum dalam mentadbir negara.

-- BERNAMA

MAM WAT